



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN		
TARIKH	:	7/9/2021 (SELASA)	MUKA SURAT	: 13
JABATAN	:	-		

Kerajaan Selangor terus didesak batal projek PJD Link, tarik balik nyah warta HSKLU

SHAH ALAM - Penduduk di Petaling Jaya yang menamakan kumpulan mereka sebagai kumpulan 'Say No to PJD Link' terus memberikan tekanan terhadap kerajaan Selangor berhubung projek lebuh raya kontroversi, PJ Dispersal Link (PJD Link).

Mereka turut membantah tindakan kerajaan negeri menyahwartakan sebahagian hutan simpan di Selangor untuk tujuan pembangunan dan mendakwa Pakatan Harapan (PH) gagal menunjukkan ketelusan dan tatakelola yang baik dalam dua isu tersebut.

Kumpulan itu menerusi satu kenyataan memaklumkan, dalam manifesto PH pada Pilihan Raya Umum (PRU) yang lalu, gabungan parti politik itu berjanji untuk mentadbir berdasarkan prinsip-prinsip kelestarian dan pembangunan lestari.

"Disebabkan PH sudah berjanji dalam manifestonya, semua pembangunan projek mesti mematuhi standard perlindungan alam sekitar antarabangsa sebelum memberikan kelulusan.

"Kini kerajaan PH Selangor bertanggungjawab untuk jelaskan kepada rakyat apakah asas dilihat kerajaan ketika me-

milih Gabungan Indah Sdn Bhd untuk membangunkan kawasan yang dinyahwartakan dari Hutan Simpan Kuala Langat Utara (HSKLU)," kata kumpulan tersebut dalam kenyataan pada Isnin.

Mereka sehubungan itu menggesa Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari untuk menarik semula penyahwartaan HSKLU dan membatalkan projek PJD Link.

"Pendek kata, kerajaan Selangor telah gagal menunjukkan ketelusan dan akauntabiliti dalam isu HSKLU dan PJD Link kerana keputusan telah dibuat tanpa penglibatan dan perundingan dengan masyarakat.

"Oleh itu, kami menuntut agar menteri besar dan kerajaan negeri mengisytiharkan pembatalan penyahwartaan HSKLU dan pembatalan lebuh raya PJD Link secara rasmi.

"Selagi ia tidak selesai dan secara rasmi dicatat dalam minit mesyuarat kerajaan negeri, rakyat Selangor akan teruskan protes terhadap dua pelan tersebut," kata mereka.